

NAMA :

TINGKATAN :

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5 TAHUN 2026

PERNIAGAAN

KERTAS 1

1 JAM 15 MINIT



JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN

1. Modul ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.


- 1 Gambar 1 merupakan Organisasi Bukan Berasaskan Keuntungan (OBBU).



Gambar 1

Apakah tujuan kewujudan organisasi tersebut?

- A Memperoleh keuntungan daripada aktiviti yang dijalankan
 - B Membantu golongan berkemampuan mendapatkan keperluan
 - C Menawarkan barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh pelanggan
 - D Meningkatkan penglibatan semua pihak dalam aktiviti kemasyarakatan
- 2 Gambar 2 menunjukkan perubahan bentuk milikan perniagaan.



Gambar 2

Mengapakah pemilik mengambil tindakan tersebut?


- A Beban cukai syarikat yang rendah
- B Pentadbiran secara demokrasi
- C Bebas mengurus perniagaan
- D Menikmati ekonomi bidangan



- 3 Perbezaan yang manakah benar tentang Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad?

	Syarikat Sendirian Berhad	Syarikat Awam Berhad
A	Pemegang saham menanggung liabiliti tidak terhad	Pemegang saham menanggung liabiliti terhad
B	Keahlian sekurang-kurangnya dua dan tiada had maksimum	Bilangan ahli antara dua hingga 50 orang
C	Saham boleh diurusniagakan dalam kalangan ahli	Saham boleh diurusniagakan di Bursa Malaysia
D	Laporan kewangan diumumkan kepada orang ramai	Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang ramai

- 4 Gambar 3 adalah dialog antara dua orang usahawan.



Gambar 3

Apakah peranan Encik Samad?

- A Membantu menyediakan khidmat latihan
- B Membantu mengurus aktiviti perniagaan
- C Membantu meningkatkan dana kewangan
- D Membantu mengurangkan risiko perniagaan


- 5 Gambar 4 menunjukkan sektor perniagaan.



Gambar 4

Apakah aktiviti sektor tersebut?

- A Sektor Utama
 - B Sektor Tertier
 - C Sektor Primer
 - D Sektor Sekunder
- 6 Rajah 1 menunjukkan klasifikasi perniagaan.



Rajah 1

Apakah **W**?

- A Menikmati ekonomi bidangan
- B Mempunyai sumber yang cukup untuk menguasai pasaran
- C Mudah untuk mendapatkan pekerja mahir dan berpengalaman
- D Mudah untuk melakukan perubahan dalam strategi perniagaan

7 Antara yang berikut agensi yang manakah membantu menyediakan sumber pembiayaan?


- I Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- II Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
- III Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)
- IV Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Antara berikut agensi yang manakah terlibat dalam pungutan cukai persekutuan.

- I Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
- II Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
- III Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
- IV Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)


- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



- 9 Apakah maksud pengangguran bermusim?
- A Pengangguran berlaku apabila bekerja dalam jangka masa pendek
 - B Pengangguran berlaku akibat kekurangan pekerja terlatih
 - C Pengangguran berlaku ekoran perubahan dalam industri
 - D Pengangguran berlaku disebabkan ekonomi meleset
- 10 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan peranan pihak berkuasa tempatan?
- A Mewujudkan pusat perniagaan
 - B Menggubal sesuatu undang-undang
 - C Menarik kemasukan pelabur tempatan
 - D Memastikan tiada penyelewengan kualiti



- 11 Rajah 2 berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi perubahan dalam persekitaran perniagaan.




Rajah 2

Situasi manakah berkaitan dengan **P**?

- A Puan Elli menjalin hubungan baik dengan pekerja
- B Encik Salimi mengamalkan sikap toleransi dalam menguruskan perniagaan
- C Puan Salmiah memberi kebebasan kepada pekerja semasa menjalankan tugas
- D Encik Kamal bersikap tegas dalam mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan

12 Rajah 3 berkaitan faktor kemampuan perniagaan bertahan dalam industri.




Rajah 3

Pernyataan yang manakah berkaitan Y?

- A Pekerja yang menerima gaji yang tinggi dan elaun lumayan
- B Pekerja yang menawarkan perkhidmatan dalam bentuk fizikal dan kepakaran
- C Pekerja yang telah lama berkhidmat dalam sesebuah organisasi
- D Pekerja yang boleh berdaya saing dalam perniagaan

- 13 Gambar 5 adalah perbualan antara Encik Amin dengan Encik Aiman di jabatan kewangan.



Gambar 5

Apakah peranan lain bahagian fungsian tersebut?

- A Pelaksanaan program latihan untuk pekerja baharu
 - B Pengagihan perlu dibuat mengikut masa dan jenis perbelanjaan
 - C Penyediaan dokumen syarikat dan pengurusan program
 - D Pemantauan kewangan untuk elak salah laku
- 14 Apakah jenis saluran agihan yang sesuai bagi tempahan baju.
- A Pengeluar → ejen → peruncit → pengguna
 - B Pengeluar → pemborong → peruncit → pengguna
 - C Pengeluar → peruncit → pengguna
 - D Pengeluar → pengguna

15 Gambar 6 berikut berkaitan dengan satu bahagian fungsian.



Gambar 6


Apakah bahagian tersebut?

- A Jualan
- B Belian
- C Kewangan
- D Pemasaran

16 Manakah faktor luaran organisasi yang boleh mempengaruhi pencapaian visi, misi dan objektif organisasinya?

- A Sumber manusia
- B Kewangan
- C Ekonomi
- D Teknologi maklumat

17 Gambar 7 di bawah merujuk kepada satu aplikasi teknologi maklumat.




Gambar 7

Apakah aplikasi tersebut?

- A e-pemasaran
- B e-government
- C e-dagang
- D e-banking

18 Gambar 8 menunjukkan satu peranan pengurusan sumber manusia.



Gambar 8

Antara berikut, yang manakah berkaitan peranan di atas?

- I Meningkatkan produktiviti, motivasi dan kepuasan kerja
- II Mengurangkan kesilapan tugas dan tekanan kerja
- III Melengkapkan pekerja dengan kemahiran dan pengetahuan khusus
- IV Menggalakkan pekerja menambah pengetahuan dan kemahiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19 Maklumat berikut berkaitan aspek pengelolaan sumber manusia.

- Anugerah Pekerja Contoh Bulanan
- Anugerah Pencapaian Jualan Tertinggi Bulanan

Apakah aspek pengelolaan tersebut?

- A Penyelesaian masalah
- B Penghargaan dan hukuman
- C Penempatan pekerja dan fasiliti
- D Standard prosedur operasi tugas

20 Gambar 9 berkaitan dengan faedah dalam sistem penggajian.



Gambar 9

Apakah faedah tersebut?

- A Kemudahan pengangkutan
- B Kemudahan penginapan
- C Kemudahan perubatan
- D Kemudahan keselamatan

21 Pernyataan yang manakah berkaitan Akta Keselamatan Sosial (PERKESO)?


- A Menyediakan bantuan perubatan kepada pekerja
- B Melindungi majikan daripada tuntutan pekerja
- C Mewajibkan caruman ke atas majikan dan pekerja
- D Memberi bayaran tunai berdasarkan prestasi pekerja

22 Antara berikut, yang manakah fungsi ganjaran kepada pekerja?

- I Mewujudkan amalan kerja beretika
- II Meningkatkan semangat pekerja
- III Melahirkan kesetiaan pekerja
- IV Menjana idea baharu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem penggajian sebuah organisasi perniagaan.



Apakah Q?

- A Elaun
- B Bonus
- C Upah
- D Gaji

- 24 Situasi berikut berkaitan pengurusan sumber fizikal sebuah perniagaan.

MASURI Enterprise adalah pengeluar pelbagai jenis sos di Alor Setar, Kedah. Pengurusnya telah mengambil tindakan mendapatkan insurans kebakaran untuk perniagaannya dan menempatkan seorang juruteknik untuk membuat pemeriksaan ke atas mesin-mesin yang digunakan.

Mengapakah MASURI Enterprise mengambil tindakan tersebut?

- I Memastikan pengeluaran dapat berjalan dengan lancar
 - II Mendapatkan keuntungan jika berlaku risiko kecurian
 - III Meningkatkan hasil jualan sekiranya produk yang dihasilkan berkualiti
 - IV Memulihkan perniagaan kepada keadaan asal jika berlaku risiko kebakaran
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
-
- 25 James ingin memulakan perniagaan menjual motosikal dengan modal RM200 000. Bagaimanakah modal tersebut diperoleh?
- A Mendapatkan kemudahan syarikat pemfaktoran
 - B Mencagarkan barang bernilai tinggi
 - C Mendapatkan pinjaman bank perdagangan
 - D Mendapatkan bantuan kewangan daripada MARA

- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan.

Syarikat Layar Mesra Sdn Bhd ingin membuka satu lagi cawangan baharu perniagaannya tetapi kekurangan sumber pembiayaan. Syarikat bercadang untuk mendapatkan pembiayaan daripada pihak Bank Simpanan Nasional (BSN).

Apakah tindakan yang perlu dipatuhi syarikat untuk mendapatkan sumber tersebut?

- I Menandatangani kontrak pembiayaan
- II Menyediakan dokumen lengkap untuk diproses
- III Membuka akaun semasa untuk pengeluaran wang melebihi simpanan
- IV Menyediakan barang kemas sebagai cagaran untuk mendapatkan pinjaman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 27 Mengapakah usahawan lebih berminat untuk memilih sumber pembiayaan luaran berbanding sumber pembiayaan dalaman?

- A Kadar faedah yang rendah
- B Tidak melibatkan kos yang tinggi
- C Boleh disesuaikan dengan keperluan semasa
- D Proses kelulusan pinjaman cepat dan ringkas

- 28 Mengapakah susut nilai aset tetap dikategorikan sebagai belanja dalam Akaun Untung Rugi?

- A Kerana ia melibatkan aliran keluar tunai
- B Kerana ia meningkatkan nilai ekuiti pemilik
- C Kerana ia merupakan modal tambahan perniagaan
- D Kerana ia merupakan pengurangan nilai aset akibat penggunaannya

29 Manakah antara berikut merupakan contoh kos tetap bagi sebuah kilang roti?

- A Sewa bangunan kilang
- B Bil elektrik dan air
- C Tepung dan yis
- D Upah pekerja sambilan

30 Berikut adalah maklumat kewangan Syarikat Waiz.

	RM
Tunai di bank	15 000
Stok akhir	8 000
Pemiutang	4 000
Penghutang	6 000
Lengkapan	10 000

Berapakah jumlah aset semasa syarikat tersebut?

- A RM23 000
- B RM29 000
- C RM35 000
- D RM39 000

31 Perniagaan X mempunyai margin untung bersih 15%, manakala Perniagaan Y mempunyai margin untung bersih 10%. Pernyataan manakah yang benar?

- A Perniagaan X mempunyai kos jualan yang lebih tinggi
- B Perniagaan Y lebih cekap menguruskan belanja operasi
- C Perniagaan Y mempunyai jumlah jualan yang lebih besar
- D Perniagaan X lebih cekap mengawal jumlah belanja keseluruhan



32 Mengapakah fungsian pembelian perlu bekerjasama erat dengan fungsian kewangan dan fungsian jualan sebelum membuat keputusan pesanan stok yang besar?

- I Bagi memastikan pembekal hanya memberikan kredit jangka panjang sahaja
- II Bagi memastikan ruang gudang sentiasa penuh dengan pelbagai jenis barang
- III Bagi memastikan modal pusingan tidak terikat pada stok yang tidak laku
- IV Bagi menyelaraskan jumlah belian dengan sasaran jualan dan bajet tunai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33 Pernyataan manakah menerangkan kekuatan diri usahawan dari aspek fleksibel?

- A Menolak sebarang pendapat daripada pihak luar
- B Memastikan matlamat perniagaan adalah fokus utama
- C Mengekalkan strategi lama walaupun pasaran telah berubah
- D Menyesuaikan strategi mengikut perubahan persekitaran ekonomi

34 Maklumat berikut berkaitan dengan keberuntungan perniagaan.

Y	• Menyediakan biasiswa kepada pelajar kurang berkemampuan • Memberikan sumbangan kewangan kepada Rumah Anak Yatim
---	--

Apakah Y?

- A Usaha mengembangkan pasaran baharu
- B Strategi pemasaran untuk meningkatkan jualan
- C Tanggungjawab sosial terhadap masyarakat setempat
- D Program jangka panjang bagi meningkatkan keuntungan syarikat

35 Rajah 4 berkaitan dengan penubuhan perniagaan.



Rajah 4

Apakah X?

- A Akta Kontrak 1950
- B Akta Perkongsian 1961
- C Akta Perhubungan Industri 1967
- D Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

36 Antara yang berikut, manakah situasi yang menyebabkan perubahan maklumat perniagaan perlu didaftarkan di SSM?

- I Butik Aleesya membuka cawangan baru di Johor Bahru dan Alor Setar.
- II Fatimah keluar daripada perkongsian dan diganti oleh Siti sebagai rakan kongsi.
- III Dania menukar nombor telefonnya kerana nombor lama gagal dihubungi.
- IV Navin menukar laman web perniagaannya kerana sukar dikemaskini.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 37 Maklumat berikut diambil daripada petikan Penyata Aliran Tunai.

	RM
Komisen diterima	800
Promosi	700
Insurans	1400
Sewa dibayar	750
Penghutang	350
Belian tunai	800

Berapakah jumlah penerimaan?

- A RM1 150
 - B RM1 600
 - C RM1 850
 - D RM3 350
- 38 Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Suriawani.


Puan Suriawani menjalankan perniagaan runcit. Pada 2 Mac, beliau membeli stok gula secara hutang daripada Pembekal Maju Jaya Trading. Pada 28 Mac, beliau menyelesaikan hutang tersebut.

Apakah dokumen perniagaan yang terlibat?

- I Invois
- II Memo
- III Nota Kredit
- IV Resit rasmi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39 Rajah 5 berkaitan dengan campuran pemasaran.



Rajah 5

Pernyataan yang manakah menerangkan Z?

- A Strategi untuk menyalurkan produk kepada pengguna
- B Penetapannya perlu mengambil kira semua kos yang terlibat
- C Bentuk komunikasi bagi memujuk pengguna membeli produk
- D Barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna

40 Gambar 10 menunjukkan satu dengan kaedah promosi.



Gambar 10

Apakah kaedah tersebut?

- A Promosi jualan
- B Jualan langsung
- C Pengiklanan
- D Publisiti

MODUL TAMAT

